

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PLG 431 - Pengurusan Sekolah

Masa : (2 jam)

Pilih dan jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Huraikan struktur dan pentadbiran pendidikan di peringkat Pusat. Terangkan secara am fungsi:
 - a) Bahagian Sekolah-Sekolah dan
 - b) Pusat Perkembangan Kurikulum.

(25 markah)

2. "Memandang lebih banyak masa yang diperuntukkan bagi kerja-kerja amali sains di sekolah menengah, adalah sangat penting langkah-langkah keselamatan yang sesuai dan teratur diadakan". Huraikan peraturan-peraturan untuk menjaga keselamatan murid dalam makmal sains.

(25 markah)

3. "Untuk mencegah berbagai penyakit dan kejadian keracunan makanan yang mungkin tersebar melalui makanan yang dijual di kantin sekolah, maka guru besar sekolah hendaklah menentukan supaya faktor-faktor kebersihan dan kesihatan dari segala aspek diberi keutamaan dalam usaha menyediakan, menyimpan, dan menjual makanan di kantin sekolah". Bincangkan.

(25 markah)

4. Huraikan peraturan-peraturan mengenai dengan:
 - a) pendaftaran sekolah dan
 - b) pendaftaran guru.

(25 markah)

5. "Kegiatan-kegiatan Persatuan Ibubapa-Guru hendaklah diarahkan kesemuanya kepada kebajikan dan kemajuan murid-murid di sekolah di mana ianya ditubuhkan". Bincangkan.

(25 markah)

6. Keadaan pejabat sekolah biasanya ada kaitan dengan kecekapan seorang pengetua. Terangkan aspek-aspek yang pengetua sekolah patut memberi perhatian dalam pentadbiran pejabat sekolahnya.

(25 markah)